

# UniMAP Cipta Rekod Baru 2000 Human Dominoes

Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) memecahkan rekod baru Malaysia Book Of Records (MBOR) apabila berjaya membentuk rantaian manusia di program *2000 Human Dominoes*. Kejayaan berkenaan berjaya dilakar menerusi aktiviti senamria sempena Minggu Suai Kenal (MSK) Pelajar Sidang Akademik 2013/2014 membabitkan 2,048 pelajar selepas mengatasi rekod terdahulu yang dicipta sebuah syarikat telekomunikasi yang mencatatkan penyertaan 1,409 peserta sempena ulang tahun ke-15 syarikat berkenaan pada 2010.

Program itu dirasmikan Menteri Besar Perlis, Azlan Man yang turut hadir di Kompleks Sukan Syed Sirajuddin Areeb Putra, Pauh Putra di sini bagi menyatakan sokongan. Sijil MBOR *2000 Human Dominoes* diserahkan oleh wakil MBOR, Zulhairi Md Zain kepada Datuk Kamarudin sejurus rekod baru itu berjaya dipecahkan oleh UniMAP.

